A

SM Faisal SM Nasimuddin lwn Maria Chin Abdullah

B

MAHKAMAH TINGGI SYARIAH (KUALA LUMPUR) — PERMOHONAN NO 14400–099–0317 TAHUN 2019
MOHAMED FOUZI MOKHTAR HS
25 APRIL 2022

C

Undang-Undang Islam — Menghina mahkamah — Perintah pengkomitan — Pemohon mendakwa responden mengeluarkan kenyataan yang menghina Mahkamah Syariah — Permohonan pengeluaran notis menunjukkan sebab di bawah s 229 Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998 — Sama ada pihak-pihak selain mahkamah tidak boleh memulakan tindakan penghinaan mahkamah — Sama ada responden telah menghina mahkamah — Sama ada suatu butir lengkap pertuduhan perlu dinyatakan di dalam notis menunjukkan sebab — Sama ada hukuman denda sahaja adalah bersesuaian dengan responden — Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah Persekutuan) 1993 s 46(2)(b)(x) — Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998 s 229

D

E

Pemohon di dalam kes ini merupakan bekas suami kepada seorang yang dikenali sebagai Emilia bt Hanafi ('Emilia'). Emilia telah dikomitkan ke penjara selama tujuh hari akibat daripada keingkaran Emilia untuk mematuhi perintah Mahkamah Syariah bertarikh 23 Julai 2018 ('penghakiman persetujuan tersebut'). Responden dalam kes ini adalah Ahli Parlimen Petaling Jaya. Pemohon telah memfailkan permohonan untuk mengeluarkan notis menunjukkan sebab ('NMS') terhadap responden berdasarkan s 229 Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998 ('Akta tersebut') di atas tindakan responden yang telah mengeluarkan kenyataan yang menghina Mahkamah Syariah dengan menerbitkan kenyataan-kenyataan tersebut di dalam artikel bertajuk '05 Sep Injustice Against Muslim Women Still Exist In Legal System' pada 5 September 2019 melalui laman sesawang responden. Kenyataan responden di dalam artikel tersebut yang berkaitan dengan perintah pengkomitan Emilia ditujukan kepada Mahkamah Syariah. Responden di dalam pembelaannya menyatakan bahawa dia tidak pernah menghina mahkamah dan kenyataan yang dibuat oleh responden adalah suatu kenyataan yang berbentuk membina. Isu-isu yang timbul adalah: (a) sama ada pihak-pihak selain mahkamah tidak boleh untuk memulakan tindakan penghinaan mahkamah; (b) sama ada responden telah menghina mahkamah; (c) sama ada suatu butir lengkap pertuduhan perlu dinyatakan di dalam NMS; dan (d) sama ada hukuman denda sahaja adalah bersesuaian dengan responden.

F

G

H

I

Diputuskan, membenarkan permohonan pemohon, mensabitkan responden

bersalah, menolak tunjuk sebab responden dan memerintahkan agar responden dikomitkan ke penjara selama tempoh tujuh hari:

(1) Mahkamah mempunyai bidang kuasa untuk mendengar permohonan pemohon ini berdasarkan s 46(2)(b)(x) Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah Persekutuan) 1993. Selain itu, berdasarkan s 229 Akta tersebut, mahkamah mendapati bahawa secara jelas undang-undang menyatakan prosiding penghinaan mahkamah boleh dimulakan oleh mahkamah sama ada ia melibatkan penghinaan dalam atau luar mahkamah (lihat perenggan 8–9).

(2) Berdasarkan Arahan Amalan 13 Tahun 2004, prosiding penghinaan di luar mahkamah boleh dimulakan oleh sama ada pendakwa Syarie atau mana-mana orang yang berkepentingan. Di dalam permohonan ini, tindakan untuk memulakan prosiding penghinaan mahkamah adalah dimulakan oleh pemohon selaku pihak yang berkaitan ataupun berkepentingan. Berdasarkan dapatan-dapatan tersebut, mahkamah memutuskan bahawa pemohon berhak dan boleh memohon kepada mahkamah untuk memulakan tindakan penghinaan mahkamah ke atas responden (lihat perenggan 10).

(3) Berdasarkan dokumen yang dikemukakan, mahkamah berpuas hati bahawa kenyataan tersebut telah dibuat oleh responden memandangkan laman sesawang yang memaparkan kenyataan tersebut merupakan kepunyaan responden (lihat perenggan 21).

(4) Mahkamah mendapati bahawa berdasarkan kenyataan responden tersebut, terdapat banyak kenyataan yang boleh disifatkan sebagai menghina mahkamah, bersifat skandal, tidak dibuat berdasarkan komen yang adil dan jauh dari kebenaran fakta dan perkara-perkara ini dapat dilihat pada tajuk utama yang diletakkan dalam kenyataan responden tersebut. Tindakan responden yang menggunakan tajuk sebegitu rupa telah menzahirkan konteks penerbitan kenyataannya itu sendiri di mana ia adalah bertujuan untuk memberikan tanggapan buruk kepada Mahkamah Syariah di mata awam. Selain itu, kenyataan responden tersebut juga telah menjadi rencana utama di media sosial. Justeru itu, mahkamah bersetuju dengan hujahan pemohon yang menyatakan bahawa kenyataan responden tersebut telah memberi kesan terhadap reputasi dan/atau maruah dan/atau martabat Mahkamah Syariah (lihat perenggan 22–25 & 31).

(5) Responden juga telah menggunakan fakta yang salah apabila menyatakan di dalam kenyataan tersebut bahawa Emilia telah dipenjarakan kerana menukar jadual lawatan anak sedangkan fakta sebenar adalah bahawa Emilia telah membawa anak-anaknya ke program di Baling, Kedah pada waktu di mana anak-anak tersebut diperintahkan untuk berada bersama pemohon. Selain itu, responden juga

menggunakan fakta yang tidak berkaitan di dalam kenyataan tersebut berkenaan dengan persoalan nafkah anak sedangkan kes Emilia adalah berkenaan perlanggaran perintah persetujuan berhubung hak jagaan dan hak lawatan anak oleh Emilia dan penguatkuasaan perintah tersebut (lihat perenggan 27–28).

(6) Responden juga telah menghina mahkamah dengan memfitnah bahawa mahkamah ini telah memberi layanan yang tidak adil atau mendiskriminasi kepada Emelia dan wanita. Fakta sebenarnya adalah semua undang-undang yang sedang berkuatkuasa ini adalah undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat yang mana responden merupakan ahli di dalamnya. Mahkamah hanya melaksanakan keadilan yang dibenarkan oleh undang-undang yang telah diluluskan oleh ahli Dewan Rakyat dan menguatkuasakan keadilan tanpa mengira jantina berdasarkan tuntutan pihak-pihak (lihat perenggan 29–30).

(7) Oleh kerana penghinaan responden ini adalah berkaitan dengan kes Mal maka tidak perlu dinyatakan secara terperinci butiran lengkap pertuduhan seperti yang ditetapkan dalam kes jenayah kerana ini bukanlah jenayah per se. Mahkamah berpendapat adalah memadai dinyatakan dalam NMS tersebut butiran penghinaan yang dilakukan oleh responden sekadar untuk memaklumkan responden berkaitan tindakan penghinaannya kepada mahkamah (lihat perenggan 32).

(8) Berdasarkan pembelaan responden, mahkamah mendapati bahawa responden gagal menunjukkan sebab yang munasabah kerana responden hanya menyimpulkan semua kenyataan yang telah dibuat sahaja dan responden gagal mengemukakan sebab lain yang menunjukkan bahawa kenyataan tersebut tidak menghina mahkamah. Responden juga gagal menunjukkan rasa insaf atau kesal dengan perbuatannya malah masih lagi menyalahkan sistem perundangan Syariah. Justeru, mahkamah tidak dapat menerima tunjuk sebab yang dikemukakan oleh responden (lihat perenggan 34).

(9) Seksyen 229 Akta tersebut jelas menunjukkan bahawa mahkamah boleh memenjarakan responden selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau mengenakan denda tidak melebihi RM2,000. Walaupun hukuman yang dinyatakan tersebut tidaklah terlalu berat, namun mahkamah hendaklah memastikan hukuman yang ditentukan mencapai tujuan dan prinsip hukuman. Hukuman denda adalah suatu hukuman yang biasa dan mampu dibayar oleh responden. Justeru, mahkamah hendaklah menjatuhkan hukuman pemenjaraan terhadap responden bagi memastikan objektif untuk mencegah pengulangan kesalahan yang sama dapat dicapai. Hukuman pemenjaraan ini hendaklah dianggap sebagai peringatan kepada responden dan seluruh masyarakat awam agar tidak sewenang-wenangnya membuat apa-apa kenyataan yang menghina

mahkamah. Berhubung isu tempoh pemenjaraan pula, mahkamah tidak berhasrat untuk menghukum responden dengan suatu hukuman pemenjaraan yang lama dan panjang kerana hukuman yang diberikan ini adalah sekadar untuk peringatan sahaja. Oleh itu, mahkamah berpendapat bahawa tempoh tujuh hari adalah tempoh masa yang munasabah bagi mencapai matlamat tersebut (lihat perenggan 35–38).

[English summary

The applicant in this case was the ex-husband of a person known as Emilia bt Hanafi ('Emilia'). Emilia was committed to prison for seven days due to her refusal to comply with the order of the Syariah Court dated 23 July 2018 ('the consent judgment'). The respondent in this case was a Member of Parliament for Petaling Jaya. The applicant had filed an application to issue a show cause notice ('SCN') against the respondent based on s 229 of the Syariah Court Civil Procedure (Federal Territories) Act 1998 ('the said Act') over the actions of the respondent who had issued contemptuous statements against the Syariah Court by publishing the statements in an article titled '05 Sep Injustice Against Muslim Women Still Exist In Legal System' on 5 September 2019 via the respondent's website. The respondent's statements in the article which was related to Emilia's committal order were addressed to the Syariah Court. The respondent in his defense stated that she had never been in contempt of court and the statements made by the respondent were constructive statements. The issues that arose were: (a) whether parties other than the court could not initiate action for contempt of court; (b) whether the respondent had been in contempt of court; (c) whether a complete detail of the charge was required in the SCN; and (d) whether a fine alone was appropriate for the respondent.

Held, allowing the applicant's application, convicting the respondent, dismissing the respondent's show cause, and committing the respondent to prison for seven days:

(1) The court had the jurisdiction to hear the applicant's application based on s 46(2)(b)(x) of the Administration of Islamic Law (Federal Territories) Act 1993. In addition, based on s 229 of the said Act, the court found that clearly the law stated that contempt of court proceedings could be initiated by the court whether it involved in-court or out-of-court contempt (see paras 8–9).

(2) Based on Practice Direction No 13 of 2004, contempt proceedings out of court could be initiated by either the Syarie prosecutor or any interested person. In this application, the action to initiate contempt of court proceedings was initiated by the applicant as a related or interested party. Based on the findings, the court held that the applicant was entitled and could apply to the court to initiate a contempt of court action against the respondent (see para 10).

(3) Based on the documents submitted, the court was satisfied that the statements were made by the respondent considering that the website that displayed the statements belonged to the respondent (see para 21).

(4) The court found that based on the respondent's statements, there were many statements that could be described as contemptuous against the court, scandalous, not made based on fair comments and far from the truth of the facts and these matters could be seen in the title of the respondent's statements. The action of the respondent who used such a title had revealed the context of the publication of the statements itself whereby it was intended to give a bad impression to the Syariah Court in the eyes of the public. In addition, the respondent's statements had also become the main article on social media. Therefore, the court agreed with the applicant's argument stating that the respondent's statements had an impact on the reputation and/or dignity and/or honorability of the Syariah Court (see paras 22–25 & 31).

(5) The respondent had also used the wrong facts when stating in the statements that Emilia had been imprisoned for changing the children's visitation schedule when the real fact was that Emilia had taken her children to a program in Baling, Kedah at the time when the children were ordered to be with the applicant. In addition, the respondent also used irrelevant facts in the statements in relation to the question of child support when Emilia's case was in fact regarding the violation of the consent order regarding the custody and visitation rights of the child by Emilia and the enforcement of such order (see paras 27–28).

(6) The respondent had also insulted the court by slandering that this court had given unfair or discriminatory treatment to Emelia and women. The actual fact was that all the laws currently in force were approved by the Dewan Rakyat of which the respondent was a member. The court only served justice as permitted by the law that had been approved by members of the Dewan Rakyat and the court had enforced justice regardless of gender based on the parties' claims (see paras 29–30).

(7) Since the contempt by the respondent was related to the Islamic civil procedure case, there was no need to state in detail the full details of the charge as in the criminal case because this was not a crime per se. The court was of the view that it was sufficient to state in the SCN the details of the contempt committed by the respondent simply to inform the respondent regarding his contemptuous actions to the court (see para 32).

(8) Based on the respondent's defense, the court found that the respondent failed to show reasonable cause because the respondent only concluded all the statements that had been made and the respondent failed to present other reasons that showed that the statement was not in contempt

of court. The respondent also failed to show remorse or regret for her actions and even continued to blame the Shariah legal system. Therefore, the court could not accept the reasons presented by the respondent (see para 34).

(9) Section 229 of the said Act clearly indicated that the court could imprison the respondent for a period not exceeding six months or impose a fine not exceeding RM2,000. Although the stated sentence was not too heavy, the court must ensure that the sentence achieved the purpose and principle of sentencing. A fine was a common punishment and could be paid by the respondent. Therefore, the court should sentence the respondent to imprisonment to ensure that the objective of preventing the repetition of the same offense could be achieved. This prison sentence should be considered as a warning to the respondent and the entire public not to arbitrarily make any statement that insulted the court. Regarding the issue of the period of imprisonment, the court did not intend to punish the respondent with a long and lengthy prison sentence because the punishment given was only for a reminder. Therefore, the court believed that a period of seven days was a reasonable period of time to achieve that goal (see paras 35–38).]

Kes-kes yang dirujuk

Musa Awang, Re (2014) JH 43 2 (dirujuk)
Norazura Mohd Radzi lwn Nazri Kamal [2013] 1 CLJ (Sya) 46 (dirujuk)
Nursuhaila Eliani Suhaimy lwn Jimmy Shanley Norjahan Saleh (2018) JH 47 1, MT (dirujuk)
PCP Construction Sdn Bhd v Leap Modulation Sdn Bhd (Asian International Arbitration, intervener) [2019] 4 MLJ 747 ; [2019] 6 CLJ 1, MP (dirujuk)
SM Faisal bin SM Nasimuddin lwn Emilia bt Hanafi (Permohonan No 14400–099–0439 Tahun 2018) (tidak dilaporkan)
Zetty Zabir lwn Mohammed Rafi Mohamed Yaacob [2012] JH 361, MR (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah Persekutuan) 1993 s 46(2)(b)(x)
Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998 ss 45, 151, 229, 229(2), (3)

Akberdin Abdul Kader (Mohd Rafie Mohd Shafie, Sulaiman Abdullah dan Ummi Kartini Abd Latiff bersamanya) bagi pihak pemohon.
Mohd Hafizal Parcho (Zeti Zulfah Hassan dan Rosli Dahlan bersamanya) bagi pihak responden.

Mohamed Fouzi Mokhtar HS:

PENDAHULUAN

[1] Permohonan ini ialah permohonan untuk mengeluarkan notis menunjukkan sebab (NMS) terhadap responden berdasarkan s 229 Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998 ('ATMMSWP 1998').

FAKTA KES

[2] Pemohon pertama merupakan bekas suami dan telah bercerai dengan Emilia bt Hanafi pada 13 April 2016. Manakala pemohon kedua pula adalah bekas ibu mertua kepada responden. Pada 8 November 2018, pemohon-pemohon telah memfailkan permohonan kebenaran untuk pengkomitan terhadap bekas isteri pemohon pertama, Emilia bt Hanafi (No K/P 790630–10–5552) melalui Permohonan No 14400–099–0439–2018 di mahkamah mulia ini. Setelah meneliti keseluruhan keterangan pemohon melalui afidavit yang difailkan, mahkamah telah mengeluarkan satu perintah kebenaran dan mengeluarkan notis menunjukkan sebab terhadap bekas isteri pemohon pertama pada 17 Januari 2019. Perintah kebenaran tersebut diputuskan oleh mahkamah bertitik-tolak keingkaran bekas isteri pemohon pertama untuk mematuhi perintah bertarikh 23 Julai 2018 ('penghakiman persetujuan'), melalui Saman No 14100–028–0798–2015. Setelah mendengar pembelaan bekas isteri pemohon dan saksi yang dikemukakan dan hujah pihak-pihak, mahkamah telah memutuskan bahawa bekas isteri pemohon pertama dikomitkan ke penjara selama tujuh hari ('perintah pengkomitan bertarikh 4 September 2019') kerana keengkaran tersebut.

[3] Responden pula adalah merupakan seorang Ahli Parlimen Petaling Jaya yang telah dipilih dalam Pilihanraya Umum yang ke-14 yang lalu. Responden didakwa telah mengeluarkan kenyataan yang menghina Mahkamah Syariah dengan menerbitkan (*published*) kenyataan-kenyataan penghinaan tersebut di dalam artikel bertajuk '05 Sep Injustice Against Muslim Women Still Exist In Legal System' pada 5 September 2019 melalui laman sesawang responden vide http://www.mariachinabdullah.org/injustice-against-muslim-women-still-exist-in-the-legal-system/ ('artikel responden tersebut').

[4] Justeru, pemohon telah memfailkan permohonan ini pada 10 September 2019 bagi mendapatkan kelulusan mahkamah ini untuk mengeluarkan notis menunjukkan sebab (NMS) kepada responden kerana telah melakukan penghinaan mahkamah berdasarkan s 229(3) ATMMSWP 1998.

KES PEMOHON

[5] Pemohon menyatakan bahawa responden pada 5 September 2019 dengan niat *mala fide* telah mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang menghina Mahkamah Syariah. Tindakan responden tersebut adalah dengan cara menerbitkan (*published*) kenyataan-kenyataan yang menghina Mahkamah Syariah tersebut di dalam artikel bertajuk '05 Sep Injustice Against Muslim Women Still Exist In Legal System' pada 5 September 2019 melalui laman sesawang responden vide http://www.mariachinabdullah.org/injustice-against-muslim-women-still-exist-in-the-legal-system/ ('artikel responden tersebut'). Artikel tersebut diterjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia seperti berikut:

> 5 September — Ketidakadilan Terhadap Wanita-wanita Muslim Masih Lagi Wujud Di Dalam Sistem Perundangan
>
> Ianya sangat mengecewakan apabila Mahkamah Syariah Kuala Lumpur memutuskan untuk menjatuhkan hukuman tujuh hari penjara ke atas Emilia Hanafi kerana menghina mahkamah atas penukaran jadual lawatan anak-anaknya bersama bekas suami, Pengerusi Eksekutif Naza World Group, Datuk Wira SM Faisal SM Nasimuddin. Keputusan ini merupakan satu ketidakadilan yang serius dan memalukan sistem kehakiman.
>
> Emilia telah meminta kebenaran untuk penjadualan semula tarikh-tarikh lawatan pada 6 dan 7 Oktober 2018 lalu untuk membolehkannya membawa ketiga-tiga anak lelakinya ke sebuah program amal berbentuk keagamaan. SM Faisal juga telah tidak hadir pada tarikh-tarikh penggantian iaitu pada 13 dan 14 Oktober dan tidak mengemukakan sebarang alasan atas ketidakhadirannya.
>
> Emilia yang telah bercerai pada 2016 merupakan seorang mangsa keganasan rumah tangga dan telah bergelut dengan trauma apabila berada dalam satu hubungan menderitakan yang mana telah mendapat liputan meluas media pada masa tersebut.
>
> Pada dua tahun yang pertama selepas perceraian, Emilia berusaha untuk menyara anak-anaknya kerana tidak menerima sebarang nafkah dari bekas suaminya dan telah melalui pelbagai rintangan untuk meneruskan kehidupan mereka.
>
> Baru-baru ini, Jabatan Kebajikan telah datang ke kediaman keluarga Emilia untuk mencari ketiga-tiga anaknya. Ini sangat mengejutkan. Telah hampir empat tahun setelah kes ini dibawa ke Mahkamah dan sejak dari itu Emilia telah diberi hak penjagaan penuh ke atas anak-anaknya. Mengapa beliau masih lagi diganggu?
>
> Menjatuhkan hukuman penjara 7 hari ke atas seorang ibu yang mempunyai tiga orang anak kerana menukar jadual lawatan walaupun satu tarikh ganti telah diminta, merupakan satu perkara yang serius *Ini jelas menunjukkan bahawa diskriminasi terhadap wanita-wanita Muslim di dalam sistem keadilan Syariah di negara kita masih lagi wujud sehingga kini*.
>
> Sebagai seorang aktivis dan pejuang hak asasi manusia selama 30 tahun, saya telah berhadapan banyak kes di mana wanita-wanita Muslim yang diceraikan telah dibiarkan tidak terbela oleh Mahkamah Syariah, terutamanya apabila melibatkan hak untuk mendapatkan bekas-bekas suami untuk memberikan nafkah.

A Kenapa Mahkamah Syariah dan Jabatan Kebajikan tidak ambil tindakan kepada bapa-bapa yang tidak membayar nafkah kepada anak-anak?

Bentuk diskriminasi dan ketidakadilan seperti ini mesti dihentikan. Saya mencadangkan agar Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat serta Jabatan Kemajuan Islam untuk mengambil perkara ini dengan segera dan bekerjasama
B dengan Mahkamah Syariah membentuk satu sistem adil untuk menjaga hak-hak yang ditindas.

Kita tidak boleh membenarkan diskriminasi seperti ini berterusan lagi. (Penekanan ditambah.)

C

[6] Responden, melalui penerbitan (*publication*) artikel responden tersebut, telah dengan secara sukarela, nyata dan/atau terang-terangan menghina, merendahkan-rendahkan, memperkecil-kecilkan, Mahkamah Syariah yang mengeluarkan perintah pengkomitan tersebut. Kenyataan
D responden di dalam artikel responden tersebut secara benar dan/atau jelas merujuk dan/atau ditujukan kepada Mahkamah Syariah, yang berkaitan dengan perintah pengkomitan tersebut.

KES RESPONDEN

E

[7] Responden telah memfailkan afidavit jawapan tunjuk sebab pada 21 Februari 2020 dan telah diserahkan kepada pemohon. Responden menyatakan kepada mahkamah bahawa tidak berlaku sebarang pelanggaran terhadap perintah mahkamah seperti yang didakwa pemohon tersebut.
F Responden menyatakan bahawa kenyataan tersebut telah disalahertikan oleh pemohon kerana ianya bukan bertujuan untuk menghina atau merendah-rendahkan mahkamah yang mulia ini. Responden mendakwa bahawa kenyataan tersebut adalah merupakan satu kenyataan yang membina tetapi bertujuan untuk membangkitkan kesedaran dan untuk
G penambahbaikan sistem perundangan Syariah.

ULASAN MAHKAMAH

[8] Mahkamah ini mempunyai bidang kuasa untuk mendengar
H permohonan pemohon ini berdasarkan sub-perenggan 46(2)(b)(x) Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah Persekutuan) 1993 ('APUUI 1993') yang memperuntukkan mahkamah hendaklah berbidang kuasa dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding yang berhubungan dengan perkara-perkara lain yang berkenaan
I dengannya bidang kuasa diberikan oleh mana-mana undang-undang bertulis Secara khususnya, bidang kuasa mahkamah untuk mendengar, permohonan ini telah dinyatakan dengan jelas melalui s 229 ATMMSWP 1998 seperti yang berikut:

229(1) *Mahkamah hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk memulakan prosiding*

terhadap mana-mana orang kerana menghina mahkamah dan boleh, dalam prosiding sedemikian, membuat suatu perintah pengkomitan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau boleh mengenakan denda tidak melebihi dua ribu ringgit.

(2) Jika penghinaan dilakukan di dalam Mahkamah, maka tidaklah perlu bagi Mahkamah menyampaikan notis untuk menunjukkan sebab tetapi Mahkamah hendaklah memastikan bahawa orang yang dikatakan melakukan penghinaan itu faham tentang jenis kesalahan yang dikatakan terhadapnya dan diberi peluang untuk didengar untuk membela dirinya, dan Mahkamah hendaklah membuat suatu rekod yang sepatutnya mengenai prosiding itu,

(3) Dalam hal penghinaan yang dilakukan di luar Mahkamah, notis supaya menunjukkan sebab mengapa tindakan atau prosiding tidak boleh diambil terhadapnya hendaklah disampaikan ke diri orang yang dikatakan melakukan penghinaan itu. (Penekanan ditambah.)

[9] Berdasarkan peruntukan di atas, mahkamah dapati bahawa secara jelas undang-undang menyatakan prosiding penghinaan mahkamah boleh dimulakan oleh mahkamah sama ada ia melibatkan penghinaan dalam atau luar mahkamah berdasarkan kepada frasa 'mahkamah mempunyai bidang kuasa untuk memulakan prosiding terhadap mana-mana orang kerana menghina mahkamah'. Ini diperkukuhkan dengan pandangan Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Sembilan dalam kes *Norazura Mohd Radzi lwn Nazri Kamal* [2013] 1 CLJ (Sya) 46 dan Mahkamah Rayuan Negeri Selangor dalam kes *Zetty Zabir lwn Mohammed Rafi Mohamed Yaacob* [2012] JH 361 yang menyatakan seperti yang berikut:

Berdasarkan kedua-dua Seksyen ini adalah, di bawah peruntukan Seksyen 229, prosiding penghinaan Mahkamah dimulakan oleh hakim sendiri berdasarkan apa yang dapat difahami daripada frasa seksyen 229(1) iaitu *Mahkamah hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk memulakan prosiding …* (Penekanan ditambah.)

[10] Namun, di dalam permohonan ini, tindakan untuk memulakan prosiding penghinaan mahkamah adalah dimulakan oleh pemohon selaku pihak yang berkaitan ataupun berkepentingan. Persoalannya, adakah pihak-pihak selain mahkamah TIDAK BOLEH untuk memulakan tindakan penghinaan mahkamah seperti yang difailkan oleh pemohon? Sebelum mahkamah menjawab persoalan ini, mahkamah perlu menjelaskan beberapa perkara berkaitan isu ini seperti yang berikut:

(a) jika dilihat kepada peruntukan s 229(1) tersebut, peruntukan tersebut adalah bersifat umum sahaja yang menjelaskan berkaitan bidang kuasa mahkamah dalam prosiding penghinaan mahkamah. Peruntukan tersebut boleh ditafsirkan dengan dua keadaan iaitu secara lateral bahawa hanya mahkamah sahaja boleh memulakan tindakan tersebut bukan pihak lain. Kedua, peruntukan tersebut adalah peruntukan umum yang menjelaskan tentang kuasa mahkamah untuk memulakan

prosiding penghinaan mahkamah. Jika inilah tujuan penggubal maka boleh ditafsirkan secara tersirat bahawa selain mahkamah, pihak yang berkepentingan juga boleh mengambil inisiatif untuk memohon kepada mahkamah agar menjalankan prosiding tersebut;

(b) Mahkamah Rayuan Syariah dalam kes*Norazura Mohd Radzi lwn Nazri Kamal* menyatakan bahawa 'pendapat kami bahawa prosiding penghinaan mahkamah ini dimulakan oleh hakim sendiri diperkukuhkan lagi dengan peruntukan s 229(2) di mana disebutkan rekod prosiding penghinaan itu hendaklah dibuat oleh hakim'. Mahkamah dapati bahawa pandangan ini merujuk kepada penghinaan yang dilakukan di dalam mahkamah sahaja. Justeru, adalah sesuai jika penghinaan tersebut dilakukan oleh seseorang di hadapan hakim, mahkamah terus mengambil tindakan dengan memulakan prosiding ini tanpa perlu permohonan yang lain. Penggubal atas dasar ini menekankan tentang kepentingan hakim merekodkan setiap tindakan yang diambil terhadap orang yang dituduh melakukan penghinaan tersebut bagi mengelakkan tohmahan kepada hakim itu dan kezaliman kepada yang dituduh;

(c) jika perbuatan menghina mahkamah tersebut dilakukan di luar mahkamah, sebagaimana di dalam permohonan pemohon ini, suatu notis tunjuk sebab hendaklah diserahkan secara ke diri hendaklah dibuat kepada responden. Persoalan yang bermain difikiran mahkamah adalah sama ada pemohon boleh memulakan inisiatif untuk memohon kepada mahkamah atau sebaliknya? Adakah tindakan pemohon mengambil inisiatif ini bersalahan dengan peruntukan s 229(1) di atas sebagaimana dihujahkan oleh responden? Sebagai jawapan kepada persoalan ini, mahkamah merujuk kepada Arahan Amalan 13 Tahun 2004 yang menjelaskan seperti berikut:

(1) Penghinaan diluar Mahkamah termasuklah:

i) Keengganan mematuhi apa-apa perintah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah; atau

ii) Mengeluarkan apa-apa kenyataan sama ada secara lisan atau bertulis oleh mana-mana orang atau badan atau pertubuhan atau organisasi yang adalah satu perbuatan menghina Mahkamah Syariah.

(2) Prosiding Penghinaan di luar Mahkamah bolehlah dimulakan oleh sama ada Pendakwa Syarie atau mana-mana orang yang berkepentingan.

(3) Mahkamah hendaklah mendaftar dan membicarakan permohonan penghinaan mahkamah mengikut undang-undang yang diperuntukkan.

(4) Jika Mahkamah berpuas hati bahawa orang yang menghina Mahkamah harus dikomitkan ke penjara, perintah pengkomitan ke

penjara hendaklah ditetapkan bahawa pesalah itu hendaklah dipenjarakan sehingga pesalah itu membersihkan diri dari kesalahan penghinaan mahkamah itu dengan meminta maaf tanpa syarat kepada Mahkamah dan orang lain yang ada kepentingan dan juga mematuhi perintah Mahkamah yang diingkari atau memberhentikan perbuatan lain yang menghina Mahkamah dan sekiranya pesalah gagal berbuat demikian, pesalah akan dipenjara sehingga tempoh yang ditetapkan oleh Mahkamah yang tidak melebihi had maksima penjara bagi kesalahan menghina mahkamah.

(5) Tiada apa-apa permohonan atau tuntutan dari orang yang dituduh menghina mahkamah itu boleh didengar oleh Mahkamah selagi perintah penghakiman terdahulu belum dipatuhi dengan sepenuhnya.

(d) keadaan ini juga bersesuaian dengan artikel yang ditulis oleh Mohd Nadzri bin Hj Abdul Rahman yang bertajuk *Penghinaan Mahkamah di Mahkamah Syariah* (1433H) JH 34 1 11 di mana Yang Arif menyentuh dan mengulas seperti berikut:

> Prosiding penghinaan di luar Mahkamah ini bolehlah dimulakan oleh sama ada Pendakwa Syarie atau mana-mana orang yang berkepentingan.
>
> Jika permohonan penghinaan Mahkamah itu difailkan oleh pihak-pihak yang berkepentingan, Pemohon hendaklah memfailkan satu notis tunjuk sebab bagi kesalahan penghinaan yang dikatakan dilakukan itu dan dialamatkan kepada orang tersebut. Notis Tunjuk Sebab tersebut hendaklah difailkan di Mahkamah dan Mahkamah hendaklah mendaftar dan membicarakan permohonan tersebut mengikut undang-undang yang diperuntukkan

(e) setelah diteliti seperti yang dijelaskan di atas, mahkamah memutuskan bahawa pemohon berhak dan boleh memohon kepada mahkamah untuk memulakan tindakan penghinaan mahkamah ke atas responden bersesuaian dengan penghinaan yang dilakukan iaitu di luar mahkamah.

TATACARA

[11] Permohonan pemohon adalah untuk mendapatkan kelulusan mahkamah untuk mengeluarkan notis menunjukkan sebab (NMS) terhadap responden berdasarkan tindakan responden yang menghina mahkamah di luar mahkamah. Tanpa menghuraikan secara terperinci, penghinaan mahkamah yang bersesuaian permohonan ini termasuklah mengeluarkan apa-apa kenyataan sama ada secara lisan atau bertulis oleh mana-mana orang atau badan atau pertubuhan atau organisasi yang adalah satu perbuatan menghina Mahkamah Syariah (AA 13 Tahun 2004). Ia turut dijelaskan di dalam kes *Zetty Zabir lwn Mohammed Rafi Mohamed Yaacob* yang menyatakan penghinaan mahkamah adalah seperti mengeluarkan kata-kata yang menghina seorang

A hakim sama ada di dalam atau di luar mahkamah.

[12] Munir Al-Baalbaki menyatakan bahawa 'penghinaan mahkamah adalah perlakuan derhaka atau tidak menghormati kebenaran mahkamah atau kadi atau keputusan-keputusan tasyriiyat'. Manakala menurut Harith Suleiman Faruqi penghinaan mahkamah adalah 'tiap-tiap perbuatan atau sikap cuai yang bermaksud untuk menghina atau melemahkan perjalanan mahkamah atau cuba menyimpangkan dari maksud asal mahkamah atau perintah mahkamah'. Kesalahan penghinaan mahkamah ini boleh terjadi sama ada melalu perkataan atau perbuatan(*Penghinaan mahkamah di Mahkamah Syariah* (1433H) JH 34 1 3.

[13] Permohonan untuk mengeluarkan notis menunjukkan sebab (NMS) di bawah s 229(3) ini tidak memerlukan kepada kebenaran mahkamah yang mana ia sedikit berbeza dengan prosedur yang ditetapkan dalam prosiding pengkomitan di bawah s 151. Ini kerana keperluan untuk mendapatkan kebenaran tersebut tidak diperuntukkan dalam s 229(3) tersebut berbanding dengan s 151 yang menyatakan dengan jelas berkaitan keperluan untuk mendapatkan kebenaran terlebih dahulu. Permohonan untuk mengeluarkan notis tunjuk sebab hendaklah dibuat secara satu pihak dan hendaklah disokong dengan affidavit sokongan pemohon yang mengandungi butiran diri pemohon, butiran diri orang dikatakan menghina mahkamah iaitu responden dan alasan permohonan iaitu berkaitan tindakan atau perbuatan responden dan cara yang dikatakan menghina mahkamah tersebut.

[14] Setelah menerima permohonan pemohon, mahkamah hendaklah membuat penelitian sama ada dakwaan pemohon berkaitan perbuatan oleh responden tersebut adalah suatu penghinaan mahkamah sebelum notis menunjukkan sebab (NMS) dikeluarkan kepada responden. Penyampaian notis menunjukkan sebab (NMS) hendaklah diserahkan secara ke diri responden kerana tindakan penghinaan tersebut dilakukan di luar mahkamah sebagaimana kehendak s 229(3) ATMMSWP 1998. Keadaan ini juga selaras dengan keputusan dalam kes *Re Musa Awang* (2014) JH 43 2 yang menyatakan sebagaimana berikut:

> [11] Kami berpendapat dan ia jelas dari peruntukkan tersebut bahawa adalah menjadi syarat bahawa suatu notis tunjuk sebab hendaklah dikeluarkan dan disampaikan secara kediri kepada Pemohon kerana penghinaan yang dipertuduhkan ini berlaku di luar Mahkamah. ...

[15] Penyampaian notis menunjukkan sebab (NMS) tersebut hendaklah diserahkan kepada responden dua hari genap sebelum tarikh pendengaran kes sebagaimana diperuntukkan s 45 ATMMSWP 1998. Sekiranya responden tidak hadir pada mana-mana tarikh yang ditetapkan oleh mahkamah, suatu waran tangkap boleh dikeluarkan kepadanya. Jika kehadiran responden

berdasarkan waran tangkap, maka suatu jaminan wajar dikeluarkan kepada responden untuk memastikan kehadirannya pada tarikh yang akan datang. Responden semasa kehadirannya di mahkamah, hendaklah diberi pilihan sama ada untuk mengaku bersalah dan memohon maaf tanpa syarat mahupun membela dirinya sendiri.

[16] Sekiranya pihak yang menghina mahkamah (PYMM) hendak membela dirinya secara lisan, maka hakim bicara hendaklah menjalankan siasatan terhadap PYMM secara 'inquistorial'. Namun begitu, hakim bicara boleh berdasarkan kuasa budi bicaranya boleh membenarkan responden disoal oleh pemohon dan/atau Peguam Syarienya sendiri. Sekiranya PYMM membuat pembelaannya melalui afidavit bagi menjawab notis tunjuk sebab tersebut maka hakim bicara boleh membenarkannya dan disoal-balas dan disoal-semula oleh pihak-pihak termasuklah hakim bicara itu sendiri. Sekiranya responden hadir, mahkamah hendaklah mendengar pengakuan responden dan memberi peluang responden membela dirinya atau memberi penjelasan terhadap tindakan yang dikatakan sebagai menghina mahkamah tersebut termasuklah dengan memanggil saksi-saksinya. Hakim bicara juga boleh menangguhkan prosiding dari masa ke semasa mengikut keperluan. Dalam kes ini proses soal balas dan soal semula terhadap afidavit pembelaan tidak dijalankan kerana pemohon tidak berhasrat untuk membuat soal balas tersebut.

SAMA ADA RESPONDEN TELAH MENGHINA MAHKAMAH

[17] Persoalan utama dalam isu ini adalah bagaimana elemen penghinaan terhadap mahkamah ditentukan khusus dalam isu berkaitan kenyataan yang dibuat oleh responden di luar mahkamah. Pemohon berhujah bahawa elemen yang perlu diteliti oleh mahkamah dalam permohonan ini adalah seperti berikut:

(a) kenyataan seseorang yang dibuat secara objektif dan holistik telah merujuk kepada Mahkamah Syariah dan sistem pentadbirannya;

(b) kenyataan yang dibuat dalam maksud semulajadi dan biasa, merupakan penghinaan kepada Mahkamah Syariah dan sistem pentadbirannya; dan

(c) kenyataan yang dibuat berisiko besar telah menjejaskan kepercayaan awam kepada pentadbiran keadilan khususnya Mahkamah Syariah.

[18] Hujahan pemohon ini di simpulkan berasaskan kepada kes Mahkamah Persekutuan *PCP Construction Sdn Bhd v Leap Modulation Sdn Bhd (Asian International Arbitration, intervener)* [2019] 4 MLJ 747; [2019] 6 CLJ 1 di ms 7, panel lima hakim Mahkamah Persekutuan memutuskan:

(4) *Dalam memutuskan sama ada kenyataan-kenyataan Arun Kasi terangkum sebagai penghinaan yang menimbulkan skandal, perlu untuk mentafsir*

kenyataan-kenyataannya dalam artikel-artikel tersebut secara objektif dan holistik, mengguna pakai ujian sama ada, merujuk pada fakta dan konteks penerbitan tersebut kenyataan-kenyataannya berisiko besar menjelaskan kepercayaan awam pada pentadbiran keadilan.

(5) ... Berdasarkan kenyataan-kenyataan tersebut, pembaca biasa yang munasabah, dengan kecerdasan biasa, akan berpendapat: (i) pengendalian kes *Leap Modular* penuh dengan rasuah; dan (ii) Mahkamah Persekutuan melanggar undang-undang substantif dan tatacara. Pembacaan menyeluruh artikel-artikel jelas menunjukkan kenyataan-kenyataan tersebut ditujukan pada Badan Kehakiman. Satu penghinaan pada kecerdasan pembaca munasabah jika sebaliknya dicadangkan, Pemotongan tersebut tidak mungkin berlaku jika Mahkamah Persekutuan tidak mengeluarkan perintah sedemikian. Mahkamah Persekutuan, sekadar menjalankan fungsi kehakimannya dengan jujur. Walau bagaimanapun, kenyataan-kenyataan tersebut mengangin-anginkan motif jahat oleh Mahkamah Persekutuan dan ini tidak benar.

(6) Arun Kasi agak lama menjadi ahli Majlis Peguam. Oleh itu, dia akan, atau sepatutnya, mempunyai kesedaran penuh akan kesan dan akibat kenyataan-kenyataan yang dia ingin terbitkan. Dia tahu, atau sepatutnya tahu, kenyataan-kenyataan tersebut mempunyai kesan menjejaskan kepercayaan awam pada pentadbiran keadilan. Oleh itu, boleh dikatakan bahawa tindakannya bermuslihat menjejaskan kepercayaan pada Mahkamah Persekutuan dan Badan Kehakiman ... Walau bagaimanapun, tiada keterangan bahawa Arun Kasi mengambil apa-apa langkah untuk membetulkan artikel-artikel tersebut atau membantah tambahan perkataan-perkataan menghina dalam siaran akhbarnya.

(7) Arun Kasi membuat dakwaan-dakwaan kabur dan tidak berasas terhadap Mahkamah Persekutuan tetapi gagal mengemukakan asas rasional menulis kenyataan-kenyataan tersebut. Oleh kerana dakwaan-dakwaan tersebut serius, iaitu mengaitkan rasuah, dia perlu mengemukakan asas rasional dan sangat meyakinkan kerana menulis sedemikian. Tanpa butiran yang meyakinkan, dakwaan-dakwaan Arun Kasi tidak terangkum sebagai komen adil. Tiada apa-apa bahan, dalam afidavit-afidavit atau keterangan lisannya, untuk menyokong alasan komen adil. Tambahan lagi, dia membuat kenyataan-kenyataan tersebut tanpa mengesahkan atau memastikan fakta-fakta sebenar berkaitan prosiding pemotongan di mahkamah.

(8) Kewujudan lain-lain artikel, yang mungkin bersifat lebih menghina, bukan alasan atau pembelaan buat Arun Kasi setakat yang berkenaan dengan prosiding pengkomitan. Hal perkara ini berkaitan kenyataan-kenyataan yang ditulis oleh Arun Kasi seorang. Setiap penghinaan yang menimbulkan skandal boleh menjadi asas hukuman. Pada masa sama, setiap tindakan penghinaan yang menimbulkan skandal menyebabkan keruntuhan kepercayaan awam pada Badan Kehakiman.

(9) Arun Kasi bersalah atas penghinaan. Kenyataan-kenyataannya, melampaui keraguan munasabah, bermuslihat meruntuhkan kepercayaan awam pada pentadbiran keadilan dan Badan Kehakiman ... dia tidak mengemukakan permohonan maaf. Ini mewajarkan mahkamah mengambil pandangan serius terhadap hal perkara ini. Hukuman mestilah mencerminkan keseriusan kesalahan yang dilakukan olehnya. Hukuman yang sesuai ialah pemenjaraan selama 30 hari dan denda RM40,000 jika ingkar; lanjutan 30 hari. (Penekanan ditambah.)

[19] Oleh itu, sebelum mahkamah ini menentukan bahawa responden telah melakukan penghinaan maka mahkamah hendaklah meneliti keseluruhan artikel yang dibuat oleh responden sama ada memenuhi elemen yang ditetapkan iaitu sama ada kenyataan tersebut sama ada secara objektif atau holistik mahupun fakta dan konteks penerbitan kenyataan tersebut menjejaskan kepercayaan awam kepada pentadbiran keadilan Mahkamah Syariah. Pemohon menyatakan bahawa responden pada 5 September 2019 dengan niat *mala fide* telah mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang menghina Mahkamah Syariah.

[20] Tindakan responden tersebut adalah dengan cara menerbitkan (*published*) kenyataan-kenyataan yang menghina Mahkamah Syariah tersebut di dalam artikel bertajuk '05 Sep Injustice Against Muslim Women Still Exist In Legal System' pada 5 September 2019 melalui laman sesawang responden vide http://www.mariachinabdullah.org/injustice-against-muslim-women-still-exist-in-the-legal-system/ ('artikel responden tersebut'). Artikel tersebut diterjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia seperti berikut:

> 5 September — Ketidakadilan Terhadap Wanita-wanita Muslim Masih Lagi Wujud Di Dalam Sistem Perundangan
>
> Ianya sangat mengecewakan apabila Mahkamah Syariah Kuala Lumpur memutuskan untuk menjatuhkan hukuman tujuh hari penjara ke atas Emilia Hanafi kerana menghina mahkamah atas penukaran jadual lawatan anak-anaknva bersama bekas suami. Pengerusi Eksekutif Naza World Group, Datuk Wira SM Faisal SM Nasimuddin. Keputusan ini merupakan satu ketidakadilan yang serius dan memalukan sistem kehakiman.
>
> Emilia telah meminta kebenaran untuk penjadualan semula tarikh-tarikh lawatan pada 6 dan 7 Oktober 2018 lalu untuk membolehkannya membawa ketiga-tiga anak lelakinya ke sebuah program amal berbentuk keagamaan. SM Faisal juga telah tidak hadir pada tarikh-tarikh penggantian iaitu pada 13 dan 14 Oktober dan tidak mengemukakan sebarang alasan atas ketidakhadirannya.
>
> Emilia yang telah bercerai pada 2016 merupakan seorang mangsa keganasan rumah tangga dan telah bergelut dengan trauma apabila berada dalam satu hubungan menderitakan yang mana telah mendapat liputan meluas media pada masa tersebut.
>
> Pada dua tahun yang pertama selepas perceraian, Emilia berusaha untuk menyara anak-anaknya kerana tidak menerima sebarang nafkah dari bekas suaminya dan telah melalui pelbagai rintangan untuk meneruskan kehidupan mereka.
>
> Baru-baru ini, Jabatan Kebajikan telah datang ke kediaman keluarga Emilia untuk mencari ketiga-tiga anaknya. Ini sangat mengejutkan. Telah hampir empat tahun setelah kes ini dibawa ke Mahkamah dan sejak dari itu Emilia telah diberi hak penjagaan penuh ke atas anak-anaknya. Mengapa beliau masih lagi diganggu?
>
> *Menjatuhkan hukuman penjara 7 hari ke atas seorang ibu yang mempunyai tiga orang anak kerana menukar jadual lawatan walaupun satu tarikh ganti telah diminta, merupakan satu perkara yang serius. Ini jelas menunjukkan bahawa diskriminasi*

terhadap wanita-wanita Muslim di dalam sistem keadilan Syariah di negara kita masih lagi wujud sehingga kini.

Sebagai seorang aktivis dan pejuang hak asasi manusia selama 30 tahun, saya telah berhadapan banyak kes di mana wanita-wanita Muslim yang diceraikan telah dibiarkan tidak terbela oleh Mahkamah Syariah, terutamanya apabila melibatkan hak untuk mendapatkan bekas-bekas suami untuk memberikan nafkah.

Kenapa Mahkamah Syariah dan Jabatan Kebajikan tidak ambil tindakan kepada bapa-bapa yang tidak membayar nafkah kepada anak-anak?

Bentuk diskriminasi dan ketidakadilan seperti ini mesti dihentikan. Saya mencadangkan agar Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat serta Jabatan Kemajuan Islam untuk mengambil perkara ini dengan segera dan bekerjasama dengan Mahkamah Syariah membentuk satu sistem adil untuk menjaga hak-hak yang ditindas.

Kita tidak boleh membenarkan diskriminasi seperti ini berterusan lagi. (Penekanan ditambah.)

[21] Mahkamah perlu meneliti keseluruhan kenyataan di atas terlebih dahulu untuk menentukan beberapa elemen penting sebelum mahkamah perlu memutuskan berkaitan kewujudan elemen penghinaan terhadap mahkamah dalam kenyataan di atas. Pertamanya, mahkamah hendaklah menentukan individu yang telah membuat kenyatan tersebut terlebih dahulu. Elemen ini sangat penting bagi mengelakkan kezaliman terhadap pihak yang tidak bersalah. Berdasarkan dokumen yang dikemukakan, mahkamah berpuas hati bahawa kenyataan tersebut telah dibuat oleh responden iaitu Maria Chin Abdullah berdasarkan kepada laman sesawang yang memaparkan kenyataan tersebut merupakan kepunyaan responden iaitu http://www.mariachinabdullah.org/injustice-against-muslim-women-still-exist-in-the-legal-system/.

[22] Kedua, mahkamah perlu meneliti kenyataan tersebut dan mengenalpasti kenyataan yang dibuat oleh responden adalah bersifat penghinaan dan skandal juga menyebabkan risiko besar hingga menjejaskan kepercayaan awam. Berdasarkan kenyataan responden tersebut, mahkamah dapati terdapat banyak kenyataan yang boleh disifatkan sebagai menghina mahkamah, bersifat skandal, tidak dibuat berdasarkan komen yang adil dan jauh dari kebenaran fakta. Kenyataan-kenyataan responden tersebut adalah seperti yang berikut:

(a) '05 Sep — Injustice Against Muslim Women Still Exist In The Legal System';

'05 September — Ketidakadilan Terhadap Wanita-Wanita Muslim Masih Lagi Wujud Di Dalam Sistem Perundangan';

(b) 'It was truly disappointing that the Kuala Lumpur Syariah court has decided to sentence Emilia Hanifi to seven days in jail for contempt of court for rescheduling a visitation for her kids with her ex-husband, Naza World Group executive chairman Datuk Wira SM Faisal SM Nasimuddin';

'Ianya sangat mengecewakan apabila Mahkamah Syariah Kuala Lumpur memutuskan untuk menjatuhkan hukuman tujuh hari penjara ke atas Emilia Hanafi kerana menghina mahkamah atas penukaran jadual lawatan anak-anaknya bersama bekas suami, Pengerusi Eksekutif Naza World Group, Datuk Wira SM Faisal SM Nasimuddin';

(c) 'This ruling is a grave injustice and a total disgrace to the judicial system';

'Keputusan ini merupakan satu ketidakadilan yang serius dan memalukan sistem kehakiman';

(d) 'Sentencing a mother of three to jail for seven days for rescheduling visitations even though she had asked for a replacement date is a serious matter. It highlights the discrimination in our Syariah legal system against Muslim women that still exists today';

'Menjatuhkan hukuman penjara tujuh hari ke atas seorang ibu yang mempunyai tiga orang anak kerana menukar jadual lawatan walaupun satu tarikh ganti telah diminta, merupakan satu perkara yang serius. Ini jelas menunjukkan bahawa diskriminasi terhadap wanita-wanita Muslim di dalam sistem keadilan Syariah di negara kita masih lagi wujud sehingga kini'

(e) 'For over 30 years as an activist and a human rights advocate I have encountered many cases where divorced Muslim women have been left defenceless against the syariah courts especially when it comes to getting ex-husbands to provide maintainance';

'Sebagai seorang aktivis dan pejuang hak asasi manusia selama 30 tahun, saya telah berhadapan banyak kes di mana wanita-wanita Muslim yang diceraikan telah dibiarkan tidak terbela oleh Mahkamah Syariah, terutamanya apabila melibatkan hak untuk mendapatkan bekas-bekas suami untuk memberikan nafkah';

(f) 'Why does the Syariah Court and the Welfare Department not go after fathers who do not pay child support or maintenance'?;

'Kenapa Mahkamah Syariah dan Jabatan Kebajikan tidak ambil tindakan kepada bapa-bapa yang tidak membayar nafkah kepada anak-anak?';

(g) 'This form of discrimination and injustice must stop, I recommend the Ministry of Women, Family and Community Development and the

Ministry of Religious Affairs to take up this matter immediately and to work with the Syariah courts to set up a non-discriminatory system to take care of the rights of the disadvantaged'; or

'Bentuk diskriminasi dan ketidakadilan seperti ini mesti dihentikan. Saya mencadangkan agar Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat serta Jabatan Kemajuan Islam untuk mengambil perkara ini dengan segera dan bekerjasama dengan Mahkamah Syariah membentuk satu sistem adil untuk menjaga hak-hak yang ditindas'; atau

(h) 'We cannot allow this discrimination to continue any longer'.
'Kita tidak boleh membenarkan diskriminasi seperti ini berterusan lagi'.

[23] Tajuk utama yang diletakkan dalam kenyataan responden itu sendiri telah memberi gambaran yang salah, bersifat skandal, berniat tidak baik dan menghina mahkamah ini. Tindakan responden yang menggunakan tajuk sebegitu rupa telah menzahirkan konteks penerbitan kenyataannya itu sendiri adalah bertujuan untuk memberikan tanggapan buruk kepada mahkamah ini di mata awam. Jika dilihat kepada kenyataan lain yang disenaraikan di atas, didapati bahawa kenyataan responden tersebut bukan tergolong dalam komen yang adil bahkan seolah-olah berniat memburukkan Mahkamah Syariah dengan menggunakan fakta kes yang tersasar dan tidak berkaitan. Kenyataan yang dibuat ini tidak berdasarkan fakta sebenar yang berlaku di dalam penghakiman mahkamah itu sendiri dan menjerumuskan responden kepada salahnyataan dan penghinaan kepada mahkamah ini. Sudah tentu, dengan kenyataan yang bersifat memburukkan, skandal, bersifat negatif, menuduh dengan menggunakan fakta yang tidak tepat boleh menyebabkan kepercayaan awam kepada Mahkamah Syariah semakin terjejas teruk akibat tindakan responden tersebut.

[24] Ini diperkukuhkan lagi bahawa kenyataan responden tersebut telah menjadi rencana utama di media sosial seperti berikut:

(a) Artikel bertajuk 'Maria says shariah court's jail sentence on ex-wife of Naza boss 'a total disgrace' bertarikh 5 September 2019, setakat tarikh 6 September 2019, artikel ini telah dikongsi sekurang-kurangnya sebanyak 8,400 kali vide https://www.freemalaysiatoday.com/cateqory/nation/2019/09/5/jail-sentence-shows-discrimination-rife-in-shariah-legal-system-says-mp adalah di antara artikel yang merencanakan intipati artikel responden tersebut dan dipetik sebagaimana berikut:

> *Petaling Jaya MP Maria Chin Abdullah says Muslim women are still being discriminated under Malaysia's shariah legal system,* after the Kuala Lumpur Shariah Court yesterday sentenced a woman to jail for rescheduling her ex-husband's visitation dates for her children.

> Emilia Hanafi, the former wife of Naza World Group executive chairman SM Faisal SM Nasimuddin, was slapped with a seven-day jail sentence, *a decision which Maria described as 'grave injustice' and 'total disgrace to the judicial system'.* (Penekanan ditambah.)

(b) Forum-CARI Infonet *vide* https://bm.cari.com.my/forum.php?, setakat 6 September 2019, bertajuk '[Tempatan] Maria says shariah court's jail sentence on ex-wife of Naza boss 'a total disgrace' turut memuatnaik artikel responden tersebut secara sepenuhnya.

[25] Justeru itu, mahkamah bersetuju dengan hujahan pemohon yang menyatakan bahawa kenyataan responden tersebut telah memberi kesan terhadap reputasi dan/atau maruah dan/atau martabat Mahkamah Syariah, butir-butir, inter alia, seperti yang berikut:

(a) bahawa kenyataan-kenyataan responden tersebut benar-benar mencemarkan nama baik dan reputasi Mahkamah Syariah;

(b) bahawa kenyataan-kenyataan responden tersebut secara langsung dan/atau tidak langsung menyeru masyarakat Malaysia dan dunia, untuk melahirkan rasa tidak percaya kepada institusi Mahkamah Syariah;

(c) bahawa kenyataan-kenyataan responden tersebut menyebabkan masyarakat menghina dan memperolok-olokkan Mahkamah Syariah;

(d) bahawa kenyataan-kenyataan responden tersebut menghina kredibiliti dan/atau kebijaksanaan Hakim-Hakim Mahkamah Syariah yang terpelajar; dan

(e) bahawa kenyataan-kenyataan responden tersebut telah menyebabkan kedudukan dan ketertinggian institusi kehakiman Syariah menjadi terancam dan/atau tergugat.

[26] Ini diperkukuhkan lagi dengan wujudnya komen-komen negatif oleh masyarakat yang secara terang-terangan menghina, merendahkan-rendahkan, memperkecil-kecilkan, memperolok-olokkan Mahkamah Syariah. Hal ini dapat dilihat, inter alia, sebagaimana berikut:

No	Nama Netizen	Komen-Komen Negatif
1	snazzydaisy	mahkamah syariah dari dulu lagi asyik melebihkan lelaki, especially yg berduit, tak berkat hidup korang! bila laaa lucifer notelo ni nak jatuh ke bumi, bila nak sedar diri yg anak2 tak suka be wt him. Asyik Emilia aje yg teraniaya, be strong gurl, like u always do!

2	sharlenetekas	Jahatnya pesal notelo. Tak malu kat anak2 ke bapak kaki pukul dan ada bideo porn. Ni nak heret pulah EH masuk jel. Patutnya pesal notelo yang masuk jel sebab tak bagi nafkah anak2. Boleh argue lagi tu sebab pasal notelo bisnes kelab malam tempat maksiat dan jual arak. Pendapatan berunsur syubahah. Boikot je bisnes kelab malam heols ni walaupun tauke tu Muslim sbb memang sah jual benda haram. Mahkamah syariah ni pun satu hal. Aniaya orang Islam. Takleh nak salahkan kalau orang Islam makin tak percayakan mahkamah syariah. Orang bukan Islam makin seronok ketawa perlekehkan mahkamah syariah yg macam kartun.
3	Axl_bach	snazzydaisy replied at 6-9-2019 03:59 AM mahkamah syariah dari dulu lagi asyik melebihkan lelaki, especially yg berduit, tak berkat hidup kor ... Entahlah apa masalah dan mahkamah syariah ni. harap2 janji si Mujahid nak perkasakan mahkamah syariah agar kes2 yg membuatkan wanita tergantung tanpa tali dpt diselesaikan ...
4	fliphair 8	ehhh...hanatnyaaa ... mahkamah syariah ni mmg akan sentiasa bias naan pompuan. mohon hakim dapat pembalasan dunia dan akhirat!
5	me12345	Cruel ... where is justice

[27] Selain itu, responden juga telah menggunakan fakta yang salah dalam kenyataannya dengan menyatakan 'Menjatuhkan hukuman penjara tujuh hari ke atas seorang ibu yang mempunyai tiga orang anak kerana menukar jadual lawatan walaupun satu tarikh ganti telah diminta, merupakan satu perkara yang serius Ini jelas menunjukkan bahawa diskriminasi terhadap wanita-wanita Muslim di dalam sistem keadilan Syariah di negara kita masih lagi wujud sehingga kini'. Fakta yang sebenarnya berlaku semasa perbicaraan tersebut adalah Emilia telah membawa anaknya ke program di Baling, Kedah pada waktu yang telah diperintahkan anak-anak tersebut hendaklah berada bersama pemohon, mahkamah merujuk semula penghakiman mahkamah di dalam kes *SM Faisal bin S MNasimuddin lwn Emilia bt Hanafi* (Permohonan No 14400–099–0439 Tahun 2018) (tidak dilaporkan) seperti yang berikut:

> Sama ada responden telah melanggar perintah.
>
> [14] Sebelum suatu notis tunjuk sebab (NTS) dikeluarkan, pemohon hendaklah membuktikan responden telah enggan atau cuai atau abai melaksanakan terma perintah tersebut yang dinyatakan dan di dalam masa yang dinyatakan di dalam Perintah tersebut sebagaimana kehendak Seksyen 151(1)(a) Akta Tatacara Mal

Mahkamah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1998, Pemohon mendakwa Responden telah melanggar atau sengaja engkar terhadap Perenggan 2(a) dan (k) Penghakiman Persetujuan bertarikh 23 Julai 2018 seperti yang berikut:

14.1. Kejadian 06.10.2017 dan 7.10.2018

Pemohon mendakwa bahawa Responden telah gagal mematuhi Perintah Mahkamah pada tarikh tersebut dengan gagal memberikan hak lawatan kepada Pemohon seperti perintah Mahkamah yang berikut:

Perenggan 2(a) Penghakiman Persetujuan

Pemohon diberi hak lawatan tanpa bermalam selama tempoh enam (6) bulan bermula Ogos 2018 dengan anak anak tersebut pada setiap hari Sabtu dan Ahad minggu pertama dan ketiga setiap bulan di antara jam 9.00 pagi hingga 8.00 malam.

Perenggan 2(k) Penghakiman Persetujuan

Bahawa untuk hari lahir setiap anak-anak tersebut, pihak-pihak secara bergilir-gilir dibenarkan untuk meluangkan masa dan meraikan hari lahir setiap anak setiap tahun. Kedua-dua pihak juga berhak untuk meluangkan masa dan meraikan hari lahir masing-masing bersama anak-anak tersebut.

Pemohon mendakwa bahawa kejadian berlaku pada 6.10.2018 dan 7.10.2018 iaitu pada hari sabtu dan ahad minggu pertama bulan Oktober 2018. Pemohon telah dinafikan hak untuk melawat dan bersama anak tersebut pada hari yang di dakwa dengan alasan Responden membawa anak tersebut menghadiri program kebajikan di Kedah. Pemohon menyatakan bahawa tindakan Responden membawa anak tersebut adalah tanpa kebenaran Pemohon bahkan Pemohon telahpun memaklumkan pendirian tidak bersetuju dengan tindakan Responden tersebut. Berdasarkan penelitian, Mahkamah berpuas hati Responden telah melanggar dan mengengkari Perenggan 2(a) Penghakiman Persetujuan tersebut kerana gagal memberikan hak Pemohon bersama ana-anak tersebut bahkan membawa anak-anak tersebut ke luar daerah tanpa kebenaran Pemohon yang pada waktu itu diberikan hak untuk bersama anak-anak tersebut.

14.2 Kejadian 10.10.2018

Kejadian ini merujuk kepada hasrat Pemohon untuk berjumpa dengan anak-anak tersebut pada 10.10.2018 bagi meraikan Hari Lahir Pemohon dengan anak-anak tersebut. Hasrat tersebut dimaklumkan lebih awal kepada Peguam Syarie Responden dengan memberi notis pada 5.10.2018 dan 9.10.2018 melalui peguam syarie namun gagal dipenuhi oleh Responden.

14.3 ...

14.4. Tindakan Responden yang membawa anak-anak tersebut ke luar daerah pada waktu yang ditetapkan oleh Mahkamah hendaklah bersama Pemohon dan tindakan membawa itu dibuat tanpa keizinan dan kerelaan Pemohon adalah suatu perlanggaran Perintah. Begitu juga tindakan Responden yang tidak membenarkan anak-anak tersebut bersama Pemohon bagi meraikan hari lahir Pemohon juga adalah suatu perlanggaran Perintah walau apapun alasannya. Oleh itu, Mahkamah berpuas hati bahawa Responden telah gagal mematuhi agar pada minggu pertama

A iaitu 06.10.2018 dan 7.10.2018 anak-anak tersebut hendaklah bersama Pemohon bukannya bersama Responden. Bahkan Responden juga telah gagal mematuhi Perintah Mahkamah kerana gagal memberikan hak kepada Pemohon untuk bersama anak tersebut bagi meraikan hari lahir Pemohon yang jatuh pada tarikh tersebut seperti diperintahkan. (Penekanan ditambah.)

B

[28] Responden juga telah menggunakan fakta yang tidak berkaitan apabila mengulas tentang isu kes tersebut apabila menyatakan 'Kenapa Mahkamah Syariah dan Jabatan Kebajikan tidak ambil tindakan kepada bapa-bapa yang tidak membayar nafkah kepada anak-anak? Bentuk diskriminasi dan ketidakadilan seperti ini mesti dihentikan'. Fakta sebenar dalam kes Emelia tersebut bukanlah kes berkaitan nafkah anak seperti yang dipersoalkan oleh responden tetapi adalah kes penguatkuasaan dan perlaksanaan perintah berkaitan perlanggaran perintah oleh Emilia terhadap perintah persetujuan berhubung hak jagaan dan hak lawatan anak. Tindakan responden ini secara langsung dan sengaja menuduh mahkamah ini tidak berlaku adil sedangkan kes atau isu yang dibicarakan dalam kes Emelia tersebut bukanlah seperti yang dinyatakan oleh responden dalam kenyataannya. Tindakan ini jelas merendahkan, memperlekehkan, memfitnah dan menghina mahkamah ini. Sebagai Ahli Parlimen yang berperanan meluluskan sesuatu undang-undang, adalah tidak wajar bagi responden mempertikai dan merendahkan serta menghina undang-undang dan mana-mana mahkamah semasa mahkamah itu menjalankan tugasnya. Bahkan sebagai ahli Yang Berhormat, responden mempunyai cukup ruang dan tempat yang luas untuk mendapatkan maklumat yang tepat selain memberi pandangan dan cadangan yang baik dan adil untuk kebaikan mahkamah ini. Sudah pasti tindakan responden mengeluarkan kenyataan tersebut yang dibuat tanpa usul periksa sehingga memperlekeh, memfitnah dan menghina mahkamah ini bukanlah satu kenyataan yang adil kepada mahkamah ini.

G

[29] Bahkan responden juga telah menghina mahkamah ini dengan memfitnah apabila menyatakan mahkamah ini telah memberi layanan yang tidak adil atau mendiskriminasi kepada Emelia dan wanita. Keadaan ini boleh dilihat dengan jelas dalam kenyataan tersebut, antaranya:

H *Injustice Against Muslim Women Still Exist In The Legal System*; 'Ketidakadilan Terhadap Wanita-Wanita Muslim Masih Lagi Wujud Di Dalam Sistem Perundangan'

This ruling is a grave injustice and a total disgrace to the judicial system;

I Keputusan ini merupakan satu ketidakadilan yang serius dan memalukan sistem kehakiman

Sentencing a mother of three to jail for seven days for rescheduling visitations even though she had asked for a replacement date is a serious matter. It highlights the discrimination in our Syariah legal system against Muslim women that still exists today;

Menjatuhkan hukuman penjara 7 hari ke atas seorang ibu yang mempunyai tiga orang anak kerana menukar jadual lawatan walaupun satu tarikh ganti telah diminta, merupakan satu perkara yang serius Ini jelas menunjukkan bahawa diskriminasi terhadap wanita-wanita Muslim di dalam sistem keadilan Syariah di negara kita masih lagi wujud sehingga kini.

This form of discrimination and injustice must stop. Bentuk diskriminasi dan ketidakadilan seperti ini mesti dihentikan. (Penekanan ditambah.)

[30] Tindakan responden membuat kesimpulan bahawa mahkamah ini mendiskriminasi Emilia adalah terlalu mudah, sembrono tanpa bukti dan fakta yang tepat. Secara jelas, responden sengaja menghina mahkamah ini dengan menyatakan bahawa mahkamah ini melakukan diskriminasi kepada Emilia bahkan kepada wanita-wanita yang mendapatkan perkhidmatan keadilan di mahkamah ini. Fakta sebenarnya adalah semua undang-undang yang sedang berkuatkuasa ini adalah undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat yang mana responden sebagai ahli Yang Berhormat turut berada di dalamnya dan dikuatkuasakan dengan kelulusan dan persetujuan ahli Yang Berhormat. Mahkamah ini hanya melaksanakan keadilan yang dibenarkan oleh undang-undang yang telah diluluskan oleh ahli Yang Berhormat dan menguatkuasakan keadilan tanpa mengira jantina berdasarkan tuntutan pihak-pihak tersebut. Sebagai seorang ahli Yang Berhormat, responden seharusnya lebih mengetahui bahawa mahkamah ini hanya akan memutuskan kes setelah semua prosedur ditetapkan telah dipenuhi dan hanya berdasarkan wujud bukti yang jelas. Selain itu, sudah tentu adalah menjadi pengetahuan awam bahawa semua pihak telahpun diberikan peluang membela diri dan mengemukakan bukti sekiranya ada.

[31] Mahkamah mendapati pemohon telah membuktikan bahawa tindakan responden itu adalah suatu penghinaan mahkamah melalui keterangan dokumen yang dikemukakan dan diterima sebagai bukti berdasarkan suatu dokumen yang dikeluarkan melalui komputer adalah keterangan primer. Berdasarkan keseluruhan ulasan di atas, mahkamah dapati bahawa responden telah melakukan penghinaan terhadap mahkamah ini pada 5 September 2019 dengan cara menerbitkan suatu artikel yang bertajuk '05 Sep Injustice Against Muslim Women Still Exist In The Legal System', melalui sosial medianya sendiri melalui alamat http://www.mariachinabdullah.org/injustice-against-muslim-women-still-exist-in-the-legal-system/.

[32] Persoalan seterusnya adalah sama ada suatu butir lengkap pertuduhan perlu dinyatakan di dalam notis menunjukkan sebab (NMS)? Oleh kerana penghinaan responden ini adalah berkaitan dengan kes Mal maka tidak perlu dinyatakan secara terperinci butiran lengkap pertuduhan seperti yang ditetapkan dalam kes jenayah kerana ini bukanlah jenayah *per se*. Mahkamah berpendapat adalah memadai dinyatakan dalam notis tunjuk sebab tersebut

menyatakan butiran penghinaan yang dilakukan oleh responden sekadar untuk memaklumkan responden berkaitan tindakan penghinaannya kepada mahkamah.

[33] Mahkamah telah meluluskan permohonan pemohon pada 14 Oktober 2019 dan memerintahkan suatu notis tunjuk sebab dikeluarkan dan diserahkan kepada responden secara kediri untuk membela diri daripada dikenakan tindakan pengkomitan. Responden telah menerima NTS tersebut dan hadir sebutan di mahkamah pada 13 Januari 2020 bagi menyatakan pendirian responden yang tidak bersetuju terhadap kes ini. Responden telah membela diri melalui afidavit yang diangkat sumpah sebagai keterangan lisan pada 21 Februari 2020. Responden dalam pembelaannya menyatakan bahawa responden tidak pernah menghina mahkamah seperti mana yang didakwa pemohon, responden menyatakan alasan sebagaimana berikut:

(a) kenyataan 'I recommend the Ministry of Woman, Family and Community Development and the Ministry of Religious Affairs to take up this matter immediately and to workwith the Syariah Court to set a non-discriminatory system to take care of the rights of the disadvantaged' menunjukkan rasa prihatin terhadap kaum wanita. Merujuk kepada kenyataan tersebut, saya menegaskan bahawa artikel ini perlu dibaca sehingga ke ayat terakhir dan perlu difahami kenyataan tersebut sebagai satu kenyataan yang berbentuk membina; dan

(b) kenyataan tersebut tidak bersifat menghina mahkamah yang mulia ini. Dalam apa jua keadaan kenyataan tersebut bersifat umum dan bukannya satu pernyataan yang spesifik dengan bertujuan menghina mahkamah. Seperti mana artikel lain yang membuat saranan tentang pembaikan sistem mahkamah, penghapusan dan/atau pindaan undang-undang, prosedur tangkapan yang mana kesemuanya bertujuan membangkitkan kesedaran untuk memperbaiki cara dan fungsi sesuatu institusi, penambahbaikan undang-undang dan penguatkuasaan prosedur yang betul bagi mengelakkan lacuna undang-undang di salah guna dengan tujuan untuk memprejudiskan mana-mana pihak. Kenyataan tersebut adalah berbentuk 'fair comment' yang mana ia merupakan satu usaha untuk menyumbang kepada pengiktirafan dan perlindungan hak individu dan masyarakat.

[34] Berdasarkan jawapan responden di atas, dapatan mahkamah bahawa responden gagal menunjukkan sebab yang munasabah kerana responden hanya menyimpulkan semua kenyataan yang telah dibuat berdasarkan perenggan di atas sahaja. Selain daripada alasan di atas, mahkamah dapati responden gagal mengemukakan sebab lain yang menunjukkan bahawa kenyataan tersebut tidak menghina mahkamah. Responden juga gagal menunjukkan rasa insaf atau kesal dengan perbuatannya malah masih lagi

menyalahkan sistem perundangan Syariah. Justeru, mahkamah tidak dapat menerima tunjuk sebab yang dikemukakan oleh responden.

PENENTUAN HUKUMAN

[35] Sebelum mahkamah memutuskan isu ini, mahkamah terlebih dahulu hendaklah memastikan bidang kuasa mahkamah berhubung hukuman yang boleh diberikan oleh mahkamah. Berdasarkan s 229 Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998 dinyatakan bahawa:

> Seksyen 229 — Notis Menunjukkan Sebab
>
> (1) Mahkamah mempunyai bidang kuasa untuk memulakan prosiding terhadap mana-mana orang kerana menghina mahkamah dan boleh, dalam prosiding sedemikian, membuat suatu perintah *pengkomitan selama tempoh tidak melebihi enam bulan* atau boleh mengenakan denda tidak melebihi dua ribu ringgit. (Penekanan ditambah.)

[36] Peruntukan di atas jelas menunjukkan bahawa mahkamah boleh memenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau mengenakan denda tidak melebihi dua ribu ringgit. Sebelum ini, pernah dibangkitkan berkaitan hukuman selain pemenjaraan bolehlah dilaksanakan bagi kesalahan ini namun perkara ini telah dijawab oleh panel rayuan dalam kes *Nursuhaila Eliani Suhaimy lwn Jimmy Shanley Norjahan Saleh* (2018) JH 47 1 dengan menyatakan seperti yang berikut:

> [21] Perayu selanjutnya ada mencadangkan tentang beberapa hukuman alternatif yang boleh dijatuhkan oleh Mahkamah berdasarkan s 244 iaitu seperti tahanan di Pejabat Penguatkuasaan JAIS atau melakukan kerja kebajikan seperti membersihkan masjid atau khidmat masyarakat di rumah orang-orang tua dan anak yatim.
>
> [22] Kami bersetuju dengan hujah responden yang menyatakan bahawa konsep hukuman alternatif boleh dijatuhkan oleh mahkamah namun ia memerlukan kepada peruntukkan khusus terutamanya dalam kes Mal seperti kes perayu. Dalam kes jenayah, hukuman alternatif atau gantian sememangnya diperuntukkan. Oleh kerana tiada peruntukkan khusus dalam kes Mal, maka s 151 adalah terpakai dan hukuman pengkomitan adalah hukuman yang selaras dengan undang-undang.

[37] Walaupun hukuman yang dinyatakan di atas tidaklah terlalu berat, namun mahkamah hendaklah memastikan hukuman yang ditentukan mencapai tujuan dan prinsip hukuman. Persoalannya, apakah hukuman denda sahaja bersesuaian dengan responden? Hukuman denda adalah suatu hukuman yang biasa dan mampu dibayar oleh responden. Apatah lagi jumlah atau amaun wang hukuman tersebut hanyalah sekadar RM2,000 sahaja selain kedudukan responden sebagai Ahli Parlimen, sudah tentu wang bukanlah masalah utama bagi responden.

[38] Tidak dapat tidak, mahkamah hendaklah menjatuhkan hukuman pemenjaraan terhadap responden bagi memastikan objektif untuk mencegah pengulangan kesalahan yang sama. Hukuman pemenjaraan ini hendaklah dianggap sebagai peringatan sama ada kepada responden mahupun seluruh masyarakat awam agar tidak sewenang-wenangnya membuat apa-apa kenyataan yang menghina mahkamah. Berhubung isu tempoh pemenjaraan pula, mahkamah tidaklah berhasrat untuk menghukum responden dengan suatu hukuman pemenjaraan yang lama dan panjang kerana hukuman yang diberikan ini adalah sekadar untuk peringatan sahaja. Oleh itu, tempoh tujuh hari adalah tempoh masa yang munasabah bagi mencapai matlamat itu pada pandangan mahkamah ini.

KEPUTUSAN

[39] Mahkamah setelah meneliti dan berpuas hati dengan permohonan dan afidavit pemohon, afidavit pembelaan responden, serta sokongan ekshibit-ekshibit dan autoriti-autoriti yang dikemukakan, maka dengan ini memutuskan dan memerintahkan seperti berikut:

(a) mahkamah meluluskan permohonan ini berdasarkan s 229(3) Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1998;

(b) mahkamah mensabitkan bahawa responden telah melakukan perbuatan sebagai penghinaan mahkamah pada 5 September 2019 melalui penerbitan artikel bertajuk '05 Sep Injustice Against Muslim Women Still Exist in The Legal System' melalui http://www.mariachinabdullah.org/injustice-against-muslim-women-still-exist-in-the-legal-system/';

(c) mahkamah menolak tunjuk sebab yang dikemukakan oleh responden; dan

(d) mahkamah memerintahkan responden Maria Chin Abdullah (No Kad Pengenalan: 560929–71–5060) hendaklah dikomit ke penjara selama tempoh tujuh hari mulai hari ini.

Permohonan dibenarkan; responden disabitkan bersalah, tunjuk sebab responden ditolak; responden dikomitkan ke penjara selama tempoh tujuh hari.

Reported by Dzulqarnain Ab Fatar